

Rohingya: MyPPP mahu Myanmar dibawa ke meja rundingan
Astro Awani
Dec 5, 2016

KUALA LUMPUR: Parti Progresif Penduduk Malaysia (MyPPP) mahu kerajaan menggesa ASEAN dan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) membawa Myanmar ke meja rundingan bagi menyelesaikan isu etnik Islam Rohingya di negara itu.

Ia antara 10 resolusi yang diluluskan pada Perhimpunan Agung MyPPP ke-63 di sini pada Ahad.

Isu berkenaan kini mendapat perhatian susulan laporan mengenai penindasan yang dihadapi masyarakat itu di Myanmar.

Selain isu Rohingya, perhimpunan yang dirasmikan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak itu turut meluluskan resolusi meminta kerajaan menyegerakan penggubalan undang-undang jenayah pedofilia serta mewujudkan mekanisme baharu kawal selia penyaluran dana asing untuk kepentingan politik.

Turut diluluskan resolusi agar kerajaan mengehendkan penjualan hartanah kepada warga asing dan mengecualikan Cukai Barangan dan Perkhidmatan (GST) ke atas semua jenis bahan pembelajaran.

Perwakilan turut mahu Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) meningkatkan kesedaran tentang ketulusan pengendalian pilihan raya di negara ini. – *Bernama*

Tag: [Parti Progresif Penduduk Malaysia](#), [MyPPP](#), [Rohingya](#), [Myanmar](#), [Najib Tun Razak](#)

© 2016 Astro Awani Network Sdn. Bhd. (535275-D) All Rights Reserved.

Source: <http://www.astroawani.com/berita-malaysia/rohingya-myppp-mahu-myanmar-dibawa-ke-meja-rundingan-124698>